

akti Tiada Henti 34 Bangunan Pencakar Langit Tanda Kiamat? 92

SOLUSI

Panduan
Hidup
Bersyariat

MOTIVASI
FARDU AIN 132

2019 • PP 15048/05/2013 (032162)



n (ingatlah), apa-apa
kebaikan yang kamu
lakukan sebagai bekal
untuk diri kamu, tentulah
kamu akan mendapat
pahalannya di sisi Allah
sebagai balasan yang
paling baik-baiknya dan yang
paling besar pahalanya."

(AL-AH AL-MUZZAMMIL 73: 20)



NILAI MANUSIA PADA KHIDMAT



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS
Incorporated in Malaysia

Terbitan
Majalah
Maga • Baru



MAGALAH INI MENDUNGI
AYAT SUJJI AL-QURAN
DAN HARALAH KESUCIANNYA

HARAMAIN

Dato' Dr. Abdul Basit Abdul Rahman
**TEMPAT LAHIR NABI
& KISAH BOIKOT**

REFLEKSI AL-QURAN

Dr. Azrul Azlan
**BINA JIWA
SUKARELAWAN**

ISSN 1985-5400



9 1771985 540003 0 0132 >
TELAGA BIRU SDN. BHD.

RM10.00 (SEM)
RM12.00 (S/S)
SGD7.50
BND7.50
USD10.00
EUR8.00
IDR35,000.00
AUD7.50

Refleksi al-Quran

AZRUL AZLAN



■ Pemegang Ijazah Kedoktoran bahasa Arab dari University of Jordan. Kini pensyarah di UIAM. Merupakan penulis Indahnya Hidup Bersyariat terbitan Telaga Biru.

Hubungi beliau di mohdazrulazlan@gmail.com

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ
وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya:

“Dan tolong-menolonglah kamu pada (perkara) kebajikan dan takwa dan janganlah kamu tolong-menolong atas dosa dan permusuhan.”

(Surah al-Ma'idah 5: 2)

Kesukarelawanan merupakan satu usaha dan khidmat yang **mem-bawa** gagasan “saling tolong-menolong pada perkara kebaikan.” Tambahan pula ia bukanlah perkara yang asing lagi dalam kalangan masyarakat Malaysia. Lihat sahaja betapa banyak pertubuhan NGO yang tumbuh bak cendawan selepas hujan.

Tujuannya adalah untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara. Selain itu, khidmat sukarelawan juga dapat memberikan **kesan kepada jiwa** individu itu sendiri khususnya yang menyertai aktiviti ini. Antaranya:

- Melahirkan **hati** yang **sentiasa bersyukur** apabila melihat penderitaan dan kesusahan orang lain.



Sukarelawan al-Ain International menyantuni mangsa Tsunami di Palu, Sulawesi Tengah.

Bina Jiwa Kesukarelawan

Jika sebelum ini mungkin kita selalu mengeluh kerana merasai tidak cukup dengan pemberian dan nikmat yang diperolehi. Wujudnya perasaan itu adalah kerana keikhlasan hati kita membantu mereka yang memerlukan. Semoga kita tergolong dalam kalangan orang bersyukur.

- Menjadikan **hidup lebih bermakna**. Kehidupan bermasyarakat menjadikan kehidupan kita lebih bermakna. Boleh jadi kita senang hari ini, lalu kita memilih untuk membantu orang lain. Tatkala kita diuji dengan musibah suatu hari nanti, giliran orang lain pula membantu kita.

Ibadah yang Diberi Pahala

Selain tuntutan kehidupan bermasyarakat, kerja kesukarelawanan juga dituntut dalam Islam. Ia perlu dipraktikkan dalam kehidupan terutama dalam konteks membantu golongan yang memerlukan.

KESUKARELAWANAN

Tuntutan hidup bermasyarakat.

Tuntutan agama Islam.

Ia juga merupakan satu ibadah yang diberikan ganjaran **pahala** yang

besar di sisi Allah sekiranya dilakukan dengan ikhlas. Namun, bagaimanakah cara untuk mendapatkan keikhlasan?

Melakukan sesuatu kebaikan dengan penuh keikhlasan bukanlah satu perkara yang mudah. Kadangkala kita ada kecenderungan untuk berkhidmat untuk orang lain kerana ingin mendapatkan penghargaan, pujian dan ganjaran yang setimpal dengan kebaikan yang dilakukan.

Kita lakukan kebaikan bukan kerana rahmat Tuhan tetapi kerana nafsu kemanusiaan yang gilakan pujian dan penghargaan. Sebab itulah kebaikan yang dilakukan perlu berpaksikan takwa kepada Allah.

Betapa ramai yang tewas walaupun pada mulanya mereka membuat kerja-kerja sukarelawan secara ikhlas kerana Allah s.w.t. Namun, niat mereka mula melencong setelah mendapat liputan meluas dari media. Penyertaan bukan lagi kerana ingin membantu mereka yang memerlukan, tetapi ingin mendapat pujian dan populariti. Cuba tanya diri, pernahkah kita terjerumus ke dalam lembah belitan iblis ini?

Kaedah Ayat

Allah berfirman: "Tolong-menolonglah kamu pada (perkara) kebajikan dan takwa." (Surah al-Ma'idah 5: 2)

Perkara yang asalnya berat, namun apabila dilakukan bersama-sama akan menjadi ringan. Begitu juga dalam soal membantu golongan yang memerlukan. Kita tidak dapat melakukannya sendirian. Ayat ini membawa kita untuk melihat keperluan untuk bekerjasama dalam perkara kebaikan yang membawa kepada ketaatan dan keredaan Allah.

| Al-Ta'awun | Al-Birr |
|---------------------------------|---|
| Tolong-menolong sesama manusia. | Kebaikan yang membawa kepada ketaatan dan keredaan Allah. |

Maka kesepaduan antara *al-ta'awun* dan *al-birr* ini akan membawa keseimbangan dalam hubungan

yang baik dengan Allah dan sesama manusia.

Tadabbur Ayat

1 Motivasi untuk Beramal

Ayat ini memberikan motivasi untuk beramal dengan ikhlas. Caranya, membantu golongan yang memerlukan atas dasar takwa, bukannya sebagai ada udang di sebalik batu. Kesatuan yang dibina atas dasar takwa akan berkekalan berbanding kesatuan yang dibina atas kepentingan peribadi.

2 Memiliki Ketenteraman Jiwa

Seseorang yang melakukan kebaikan kepada orang lain dan ikhlas melakukannya tidak akan menanti pujian dan penghargaan daripada makhluk. Bahkan dia akan sentiasa bersabar atas segala keburukan yang dilakukan oleh orang lain ke atasnya disebabkan kebaikan yang dilakukan itu.

Apabila seseorang melakukan sesuatu kebaikan dan yakin bahawa Allah tahu tentang kebajikannya serta memberikan ganjaran kepadanya, maka dia akan mudah menerima dan reda akan semua perlakuan yang tidak menyenangkan daripada orang lain.

Ibn Taimiyah berkata: "Janganlah perlakuan buruk menjadikan kamu bersikap keras dan tidak berbuat baik kepada mereka. Tetapi bersabarlah dan teruskan kebaikanmu itu demi Allah, bukan kerana mengharapkan pujian mereka.

"Takutlah kepada Allah saat kamu tidak dapat melakukan kebaikan kepada manusia. Jangan takutkan manusia demi mendapatkan (reda) Allah. Berharaplah kepada Allah untuk (sentiasa) melakukan kebaikan kepada manusia. Jangan berharap (pujian) manusia apabila dekat dengan Allah."

3 Mencari Reda Allah

Ayat ini turut mengajar kita agar sentiasa mencari reda Allah berbanding pujian manusia. Ia menuntut agar saling membantu kerana Allah s.w.t. dan bukan kerana manusia. Alangkah rugi sekiranya berkhidmat kepada umat semata-mata untuk mengharapkan pujian dan penghargaan manusia.

Betapa ramai yang tewas walaupun pada mulanya ikhlas kerana Allah, namun niat mereka mula melencong setelah mendapat liputan meluas dari media.

Yakinlah, Allah Maha Mengetahui segala niat dan tindakan kita.

Firman Allah yang bermaksud: "Dan akan dijauhkan daripadanya (neraka) orang yang paling bertakwa. Yang mendermakan hartanya (pada jalan Allah) untuk membersihkan (dirinya). Tiada seorang pun yang memberikan suatu nikmat kepadanya yang harus dibalasnya. Kecuali untuk mencari keredaan Tuhannya Yang Maha Tinggi." (Surah al-Lail 92: 17-20)

Setiap kebaikan yang dilakukan tujuannya perlulah untuk mencari reda Tuhan, bukannya pujian dan penghargaan manusia.

ReSOLUSI

1 Sentiasa cakna dengan penderitaan dan kesusahan yang dilalui oleh orang lain melalui bantuan secara sukarela tanpa ada paksaan atau niat nafsu peribadi.

2 Membantu orang lain atas dasar takwa tanpa mengharapkan pujian dan penghargaan.

3 Sentiasa menjadi orang yang bersyukur setiap kali melakukan kerja-kerja sukarelawan, khususnya ketika melihat kekurangan dan penderitaan yang dialami oleh orang lain.

4 Melihat kekurangan orang lain sebagai satu semangat untuk sentiasa melakukan muhasabah agar sentiasa memperbaiki kekurangan diri. 

